

11/06/1997

Isu keselamatan jejas perdagangan elektronik

Hizral Tazzif Hisham

PENYELIDIKAN firma Amerika Syarikat, Forrester Research Inc menjangka pasaran runcit dalam talian (online) akan meningkat daripada RM1,295 juta (AS\$518 juta) sekarang kepada RM16.5 bilion (AS\$6.6 bilion) menjelang tahun 2000.

Peningkatan itu berpunca daripada popularitinya sebagai tempat menjalankan urusan niaga daripada menyewa perisian hingga menjual kandungan dan memuatkan bahan yang membabitkan pembelian di antara 10 sen hingga RM62.50.

Jaringan Seantero Dunia (WWW) yang kaya dengan khazanah ilmu dan maklumat terus berkembang menjadi medan untuk mengurus niaga. Kegiatan perniagaan seperti menjual bunga, aksesori, pelancongan, tiket kapal terbang, komputer dan makanan ringan mencetuskan amalan baru dikenali sebagai perdagangan elektronik.

Ini bermakna WWW menjadi pusat beli-belah impian pembeli seantero dunia, meskipun nilai perniagaan dan perubahan dalam sistem perdagangan elektronik masih kecil berbanding urusan niaga runcit bernilai berbilion ringgit yang dikendalikan di kompleks beli-belah atau jualan langsung menerusi katalog.

Namun, WWW dengan sistem perdagangan elektroniknya yang dianggap memudahkan pengguna membeli-belah, boleh bertukar sebagai tempat penipuan dan manipulasi pihak tertentu jika ia tidak mempunyai protokol sistem keselamatan urusan niaga.

Ini berikutan pembayaran untuk produk dan perkhidmatan menerusi transaksi dalam talian terus menjadi masalah mudah yang menghantui industri terbabit dan pada ketika yang sama permintaan pelanggan terhadap perkhidmatan masih kecil.

Keselamatan sistem pembayaran mata wang asing terus menjadi perhatian untuk mengisi pembayaran mikro secara tertentu berikutan keupayaan sistem itu mengekalkan ciri kos efektif dan ia sama sekali berbeza dengan kad kredit. Lebih serius, terdapat pihak yang merosakkan proses transaksi dengan memecah masuk ke tempat sulit atau mengganggu akaun pengguna lain secara sengaja atau sebaliknya.

Pengguna terus dibebani masalah keselamatan, kebolehpercayaan dan isu lain, kata Pengerusi CommerceNet yang beribu pejabat di Palo Alto, California, Marty Tenenbaum.

Banyak kes membabitkan pencerobohan sistem komputer yang bertujuan untuk menggugat proses mempercepatkan pelaksanaan perdagangan elektronik.

Kes terbaru yang dilaporkan ialah hacker yang menggunakan nama samaran Smak ditahan Biro Penyiasatan Persekutuan (FBI) kerana cuba menjual maklumat rahsia mengenai 100,000 nombor pemegang kad kredit yang memanfaatkan Internet sebagai tempat mengurus niaga.

Selain itu, seorang remaja berusia 14 tahun di New Hartford, New York, telah membeli peralatan komputer menggunakan nombor kad debit MasterCard Select yang ditemuinya dalam WWW sebelum kegiatannya itu dikesan oleh polis.

Dua kes ini adalah contoh bahawa keselamatan terus menjadi isu kritikal yang masih belum ada penyelesaian mantap, meskipun banyak pihak serius mengetengahkan teknologi perdagangan elektronik ini.

Kes serupa itu membimbangkan banyak pihak untuk menjadikan perdagangan elektronik kegiatan harian. Mereka lebih suka mengurus niaga secara tradisional.

Isu keselamatan melaksanakan urusan niaga membawa kepada pembentukan standard keselamatan bagi melindungi operasi perdagangan elektronik seperti Perlindungan Transaksi Elektronik (Secure Electronic Transaction - SET) yang dimulakan oleh MasterCard dan Visa International, biarpun ia masih di peringkat permulaan.

Adakah kecanggihan teknologi enkripsi seperti standard SET ini mampu melenyapkan kebimbangan pengguna? Atau pembentukan undang-undang siber peringkat tempatan dan antarabangsa yang lebih ketat diperlukan? Adakah undang-undang itu dapat menjamin dan melindungi pengguna daripada penganiayaan?

Malaysia mengorak langkah pantas dengan menggubal dan membentangkan undang-undang siber. Dewan Rakyat dalam sidangannya baru-baru ini, meluluskan Akta Jenayah Komputer 1997, Tandatanganan Digital dan Teleperubatan.

Akta berkenaan adalah sebahagian undang-undang siber yang akan digunakan di Koridor Raya Multimedia (MSC) bertujuan membendung salah laku menggunakan Internet sebagai media untuk melakukan perbuatan menyalahi undang-undang serta menggalakkan perkembangan industri multimedia tempatan.

Malaysia menyedari usahanya menguatkuasakan undang-undang siber akan gagal jika tidak mendapat sokongan negara lain. Sehubungan itu, negara ini dijangka menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan negara asing bagi menapis maklumat melalui Internet selepas MSC beroperasi sepenuhnya.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilaporkan sebagai berkata, langkah itu adalah sebahagian strategi untuk meminimumkan kemasukan maklumat yang tidak bertanggungjawab termasuk bahan lucah menerusi Internet ke negara ini.

Bagaimanapun Perdana Menteri meminta rakyat menerima hakikat bahawa teknologi maklumat tidak dapat dikawal serta ditapis sepenuhnya kecuali melalui kekuatan dalaman penggunaannya.

"Kita akan adakan memorandum persefahaman (MoU) dengan negara lain untuk mengawal maklumat yang dimasukkan dalam Internet. Ini adalah ikhtiar kita tetapi ia tidak semestinya akan berhasil 100 peratus.

"Oleh itu, dalam menapis dan mengawal kemasukan maklumat, kekuatan dalaman semua orang penting. Rakyat perlu menyediakan benteng yang kukuh untuk menolak maklumat tidak baik.

"Bagi pihak kerajaan, kita akan melaksanakan semua langkah yang difikirkan wajar termasuk menggubal dan menguatkuasakan undang-undang siber. Kita harap ia akan berhasil," katanya.

Walaupun teknologi enkripsi semakin canggih dan boleh mengurangkan sedikit kebimbangan pengguna ketika melakukan urusan niaga namun ia masih belum benar-benar selamat.

Langkah Sun Microsystems Inc mencadangkan kepada kerajaan Amerika Syarikat membenarkan perisian menggunakan kaedah enkripsi 128 bit dan 2048 bit dengan tiga kekunci Standard Enkripsi Data (DES) dilihat sebagai tindakan untuk mengukuhkan keselamatan urusan niaga kerana menyukarkan untuk dicerobohi.

Teknologi kad pintar juga semakin maju yang mana baru-baru ini, MULTOS membolehkan pengguna memilih penggunaan standard kredit atau debit serta penggunaan lain yang dipilih secara peribadi seperti wang tunai elektronik Mondex, penempahan tiket penerbangan dan pas transit.

Walaupun teknologi keselamatan semakin berkembang pantas namun langkah keselamatan pertama yang perlu dilakukan bermula daripada pengguna sendiri yang mana kebanyakan kes berlaku kerana kecuaiian sendiri seperti memberi kata laluan kepada rakan atau saudara mara.

(END)